

Mahathir jelas ucapan dasarnya tak patut jadi sasaran kritik

KUALA LUMPUR 21 Ogos - Presiden UMNO, Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad menjelaskan se-

kalipun ucapan dasarnya adalah setebal 43 muka tetapi maksudnya adalah ringkas, mudah difahami dan tidak sepatutnya menjadi sasaran kritik.

"Walaupun saya mengambil masa lebih sejam menyampaikannya tetapi ia cuma mengandungi nasihat - buat kebaikan, jangan fitnah, jangan pecah belah, kerja kuat dan sebagainya.

"Sebenarnya maksud ucapan itu adalah untuk menerapkan nilai - nilai se-cocok dengan agama Islam," kata beliau dalam ucapan penangguhannya sebagai usaha untuk mengelak salah faham ke atas ucapan dasar berkenaan yang telah hangat diperbahaskan.

Datuk Sri Dr. Mahathir menambah, "segalanya adalah mengikut kehendak Islam. Misalnya jangan pecah belah, buat kebaikan, jangan fitnah dan sebagainya semua dikehendaki oleh

ajaran Islam.

Beliau menegaskan penerapan nilai - nilai ini adalah penting bagi UMNO kerana ia adalah parti yang terbesar di negara ini.

"Jika kita tidak membuatnya adakah kita mengharapkan PAS untuk membuatnya," beliau bertanya.

Sebelum itu Perdana Menteri juga telah diberi tepukan gemuruh bila beliau secara yang mudah tetapi tepat menangkis kritikan - kritikan yang ditimbulkan ke atas sistem kad perakam waktu.

Ini berikutan ada perwakilan khususnya wakil Wanita mendakwa sistem itu hanya setakat berjaya mendorong para pegawai kerajaan pergi kerja tepat pada waktunya tetapi mutu kerja tidak meningkat.

Secara bersahaja, beliau berkata, "saya tahu memang ada pegawai selepas mereka menekan kad pera-

kam mereka terus pergi ke kantin."

"Tetapi kalau mereka duduk di rumah peluk bantal," ujarnya disambut oleh gelak ketawa dan tepuk bergemuruh para perwakilan.

"Adalah baik mereka sampai tepat pada jam 8 pagi. Sekalipun mereka pergi ke kantin, sekurang - kurangnya kita nampak mereka. Kita boleh pujuk lagi," tambah beliau.

Menyentuh tentang kenyataan seorang wakil Terengganu dalam perbahasan yang mempersoalkan mengapa Encik Anwar Ibrahim dilantik sebagai Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan sedangkan beliau mempunyai pengetahuan Islam, yang banyak, Perdana Menteri juga secara berjenaka berkata:

"Kalau orang itu ada dalam barisan parti pembangkang kita takut, sekarang dia ada dalam kita dia jadi, "macam bodoh."

"Takkanlah saya hendak pergi merujuk kepada setiap bahagian dalam UMNO bila saya hendak membentuk kabinet."

Mengenai soal beliau dan Datuk Musa Hitam berjabat tangan dengan anggota - anggota Wanita UMNO, Perdana Menteri berkata, perkara itu tidak harus menjadi ukuran keislaman seseorang.

"Apa yang penting dalam Islam ialah niat," ujarnya sambil meletakkan tangan ke atas dadanya.

Datuk Sri Dr. Mahathir menggemuruhkan lagi para perwakilan dengan gelak ketawa, bila beliau secara bersahaja berkata,

"katakanlah kalau wanita itu melapikkan kain tudung di tangan untuk berjabat tangan dengan saya. Kalau jarinya mencuit tangan saya bagaimana?"

"Siapapun tidak nampak, tengok kami berdiri jauh - jauh. Itulah yang saya kata-

kan yang penting ialah niat.

Perdana Menteri secara berjenaka lagi berkata sebagai langkah untuk mengelakkan terpaksa berjabat tangan dengan Wanita UMNO, beliau selalu menyuruh isterinya berjalan sebelah wanita dan beliau berjalan sebelah pihak lelaki dalam sesuatu majlis.

Oleh itu, beliau berharap perkara - perkara seumpama ini jangan dijadikan satu isu besar kerana parti PAS boleh menggunakannya sebagai modal mereka.

Di samping itu beliau juga menyuarakan rasa kesal terhadap tindakan wakil Kelab UMNO United Kingdom dan Eire yang telah melauhkan soal peribadinya dalam perbahasan dan tidak mengikut apa yang dirundingkannya dengan kelab-kelab UMNO lain yang diwakilinya.

Katanya, kenyataan - kenyataan wakil kelab UMNO itu yang di antara lain menyebut tentang beliau tidak dapat biasiswa telah ditolak oleh kelab - kelab UMNO lain dalam surat yang disampaikan kepadanya.

Perdana Menteri menjelaskan sebenarnya beliau tahu kegagalan wakil - wakil UMNO United Kingdom dan Eire mendapat biasiswa adalah kerana ada sebab tertentu.

Katanya, wakil - wakil kelab UMNO di luar negeri dibenarkan berucap bukan kerana mereka berhak tetapi dibenarkan atas keputusan Majlis Tertinggi.

Datuk Sri Dr. Mahathir seterusnya telah memuji sikap seorang wakil muda dari Kelantan yang telah menunjukkan semangat sayangnya yang lebih kepada UMNO dalam ucapan perbahasannya kelmarin.

Wakil itu menggunakan ungkapan "Its not that I love Ceaser less but I love Rome more" dalam perbahasannya.

Katanya, semangat inilah yang harus ditanam di setiap ahli UMNO.